



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KENYATAAN MEDIA

UNIVERSITI MALAYA KEKAL 10 TERBAIK DI ASIA

Laporan *Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings: Asia 2022* yang dikeluarkan pada 2 November 2021 menunjukkan bahawa Universiti Malaya (UM) kekal berada di kelompok 10 teratas Asia dan telah meningkat ke posisi ke-8 berbanding tempat ke-9 di Asia pada tahun 2021.

Universiti awam dan swasta lain juga turut menunjukkan peningkatan yang membanggakan kerana masih kekal tersenarai dalam kelompok 110 universiti terbaik di Asia. Berdasarkan laporan ini, Universiti Malaya berada di kedudukan ke-8; Universiti Putra Malaysia di tempat ke-27; Universiti Kebangsaan Malaysia di tangga ke-33; Universiti Sains Malaysia di kedudukan ke-35; Universiti Teknologi Malaysia di ranking yang ke-38; Taylor's University pada senarai yang ke-53; Universiti Teknologi PETRONAS memposisikan diri di tangga ke-72; UCSI University di kedudukan ke-77; Universiti Utara Malaysia tempat ke-98; dan Universiti Teknologi MARA berada di tangga ke-105.

Pencapaian kali ini secara tidak langsung membuktikan bahawa universiti di Malaysia mampu bersaing dengan universiti di negara Asia yang lain walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran getir akibat daripada pandemik COVID-19. Kejayaan ini juga menunjukkan bahawa Malaysia mampu menjadi hab pendidikan tinggi yang unggul di rantau Asia.

Secara keseluruhannya, sebanyak 687 universiti (termasuk 40 penyertaan baharu) di 18 buah negara Asia terlibat dalam penilaian QS *World University Rankings: Asia 2022* pada kali ini. Ia merupakan perbandingan yang paling luas pernah dilaksanakan di rantau Asia.

Negara yang paling banyak tersenarai di dalam penarafan ini ialah China, iaitu dengan penyertaan sebanyak 126 buah universiti. Ini diikuti oleh India (118 buah universiti); Jepun (108 buah universiti); Korea Selatan (88 buah universiti); Pakistan (47 buah universiti); Taiwan (46 buah universiti); Malaysia (36 buah universiti); Indonesia (33 buah universiti); Thailand (23 buah universiti); Filipina (15 buah universiti); Vietnam (11 buah universiti); Hong Kong (9 buah universiti); Sri Lanka (6 buah universiti); Singapura (3 buah universiti); Brunei (2 buah universiti); Macau (2 buah universiti); dan Mongolia (sebuah universiti).

Penilaian dilaksanakan berdasarkan kepada 11 petunjuk prestasi utama. Antaranya ialah reputasi akademik, kebolehpasaran graduan, kualiti penyelidikan dan produktiviti, pengantarabangsaan di kampus serta kerjasama antarabangsa dengan pelbagai institusi.

Penarafan kali ini mencatatkan pertambahan dalam penyertaan universiti di Malaysia daripada 35 buah kepada 36 buah. Daripada jumlah itu, sebanyak 22 buah universiti tempatan telah menunjukkan peningkatan, 4 buah universiti kekal di kedudukan yang sama dan 10 buah universiti mencatatkan sedikit penurunan.

Ben Sowter, Pengarah Penyelidikan QS *World University Rankings* menyifatkan bahawa keputusan penilaian pada tahun ini mempunyai persaingan yang sengit dan bersifat dinamik bagi sistem pendidikan tinggi di Asia. Universiti terbaik di China terus maju ke hadapan, manakala pendidikan tinggi di Jepun kekal tidak berubah sementara Malaysia pula terus meningkat naik.

LAMPIRAN

Jadual 1: Kedudukan 10 buah universiti terbaik Asia dalam QS *World University Rankings: Asia 2022*

Bil.	Institusi	Kedudukan QS WUR: Asia 2021	Kedudukan QS WUR: Asia 2022
1.	National University of Singapore (NUS)	1	1
2.	Peking University	7	2
3.	Nanyang Technological University, Singapore (NTU)	3	*3=
4.	The University of Hong Kong	4	*3=
5.	Tsinghua University	2	5
6.	Zhejiang University	5	6
7.	Fudan University	6	7
8.	Universiti Malaya	9	8
9.	The Hong Kong University of Science and Technology	8	9
10.	Shanghai Jiao Tong University	10	10

*Skor yang diperolehi adalah sama.

Jadual 2: Kedudukan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Malaysia dalam QS *World University Rankings: Asia 2022*

Bil.	IPT Malaysia	Kedudukan QS WUR: Asia 2021	Kedudukan QS WUR: Asia 2022
1.	Universiti Malaya	9	8
2.	Universiti Putra Malaysia	28	27

Bil.	IPT Malaysia	Kedudukan QS WUR: Asia 2021	Kedudukan QS WUR: Asia 2022
3.	Universiti Kebangsaan Malaysia	35	33
4.	Universiti Sains Malaysia	34	35
5.	Universiti Teknologi Malaysia	39	38
6.	Taylor's University	89	53
7.	Universiti Teknologi PETRONAS	70	72
8.	UCSI University	105	77
9.	Universiti Utara Malaysia	107	98
10.	Universiti Teknologi MARA	108	105
11.	Sunway University	172	121
12.	International Islamic University Malaysia	123	123
13.	Universiti Malaysia Pahang	133	129
14.	Universiti Tenaga Nasional	168	144
15.	Management And Science University	139	147
16.	Universiti Malaysia Terengganu	195	167
17.	Universiti Tunku Abdul Rahman	157	167
18.	Multimedia University	190	189
19.	Universiti Pendidikan Sultan Idris	281 – 290	205
20.	Universiti Malaysia Sabah	210	227

Bil.	IPT Malaysia	Kedudukan QS WUR: Asia 2021	Kedudukan QS WUR: Asia 2022
21.	Universiti Malaysia Sarawak	251 – 260	227
22.	Universiti Tun Hussien Onn	291 – 300	247
23.	Universiti Malaysia Perlis	207	251 – 260
24.	Asia Pacific University of Technology and Innovation	301 – 350	271 – 280
25.	SEGi University	301 – 350	291 – 300
26.	Lincoln University College, Malaysia	351 – 400	301 – 350
27.	Universiti Kuala Lumpur	291 – 300	301 – 350
28.	AIMST University	-	351 – 400
29.	HELP University	401 – 450	351 – 400
30.	INTI International University	401 – 450	351 – 400
31.	Limkokwing University of Creative Technology	351 – 400	401 – 450
32.	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	401 – 450	401 – 450
33.	Malaysia University of Science and Technology	451 – 500	501 – 550
34.	Universiti Sains Islam Malaysia	501 – 550	501 – 550
35.	Universiti Sultan Zainal Abidin	451 – 500	501 – 550
36.	Universiti Malaysia Kelantan	551 – 600	551 – 600

**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
4 NOVEMBER 2021**